

STPM Kertas 1 2013:

Soalan 2

(a) Aroma Enterprise menggunakan jurnal penerimaan tunai dan jurnal pembayaran tunai untuk merekodkan urus niaga berkaitan tunai. Urus niaga tunai yang berlaku sepanjang bulan September 2012 adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Urus niaga
1 September	Menjual barang niaga bernilai RM7,820
3 September	Menerima bayaran daripada Syana Shoppe bagi invois bertarikh 28 Ogos bernilai RM700, dan memberikan diskaun sebanyak 2%
5 September	Membayar invois berjumlah RM1,800 kepada Wardina Supplier dengan cek yang bernombor 215, dan menerima diskaun sebanyak 3%
7 September	Menerima pesanan khas bernilai RM11,000 yang akan dihantar pada hujung bulan, dan menerima 30% bayaran pendahuluan
8 September	Membayar kos pengangkutan berjumlah RM90 dengan cek bernombor 216
10 September	Menerima tambahan modal sebanyak RM5,000
11 September	Menerima bayaran daripada Diana Inc. bagi invois bertarikh 7 September 2012 bernilai RM2,100, dan memberi diskaun sebanyak 2%
13 September	Membayar pendahuluan 40% untuk pembelian perabot baharu berharga RM8,000 dengan cek yang bernombor 217 bagi perabot yang akan diterima pada hujung bulan
15 September	Menerima bayaran balik sebanyak RM1,560 daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri ke atas cukai yang terlebih bayar
17 September	Membayar invois bernilai RM1,100 kepada Syarikat Titisan dengan cek yang bernombor 218, dan menerima diskaun sebanyak 3%
20 September	Menerima bayaran yang telah lama tertunggak sebanyak RM3,100 daripada Syarikat Manisa bagi invois bertarikh 2 Mac 2012
25 September	Membeli barang niaga bernilai RM1,970 dengan cek yang bernombor 219
28 September	Membuat pinjaman sebanyak RM20,000 daripada Bank Perdana dengan menerbitkan nota belum bayar bagi tempoh 60 hari dengan kadar faedah sebanyak 12% setahun
	Menerima perabot yang dipesan pada 13 September, dan membayar baki kos perabot dengan cek yang bernombor 220
29 September	Menghantar pesanan khas yang bertarikh 7 September, dan menerima baki bayaran
	Membayar gaji pekerja bagi bulan September sebanyak RM6,500 dengan cek yang bernombor 221
30 September	Membayar sewa bangunan pejabat sebanyak RM800 dengan cek yang bernombor 222

Dikehendaki:

Rekodkan semua urus niaga di atas dalam jurnal penerimaan tunai dan jurnal pembayaran tunai mengikut format jurnal tunai yang diberikan pada halaman 5, dan hitung jumlah setiap urus niaga yang direkodkan itu.

Jurnal Penerimaan Tunai

Tarikh	Akaun dikredit	Ruj	Tunai/Bank Dt.	Jualan Kt.	Akaun belum terima Kt.	Diskaun jualan Dt.	Pelbagai akaun Kt.

Jurnal Pembayaran Tunai

Tarikh	No. cek	Akaun didebit	Ruj	Tunai / Bank Kt.	Belian Dt.	Akaun belum bayar Dt.	Diskaun belian Kt.	Pelbagai akaun Dt.

(b) Syarikat Pantai Berhad telah menyediakan penyata penyesuaian bank yang berikut:

**Syarikat Pantai Berhad
Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2012**

	RM	RM
Baki kredit seperti dalam penyata bank		7,000
Tambah : Deposit yang belum dikreditkan		<u>5,700</u>
		12,700
Tolak: Cek yang belum dikemukakan		<u>6,000</u>
Baki buku tunai terselaras		6,700
Baki debit seperti dalam buku tunai		5,459
Tambah : Kesalahan dalam akaun belum bayar	81	
Kutipan nota belum terima	1,500	
Faedah nota belum terima	<u>60</u>	<u>1,641</u>
		7,100
Tolak : Duti setem buku cek	40	
Cek tak layan	<u>360</u>	<u>400</u>
Baki buku tunai terselaras		<u>6,700</u>

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal penyelarasan yang diperlukan untuk buku tunai pada 30 September 2012. (4 markah)

(c) Perniagaan Acuan Niaga membeli peralatan pada 1 Januari 2011 dengan harga RM70,000. Dianggarkan peralatan itu akan mempunyai nilai sisa sebanyak RM5,000 pada hujung jangka hayatnya selama lima tahun. Peralatan itu dianggarkan dapat mengeluarkan 100,000 unit produk sepanjang hayatnya.

Dikehendaki:

- (i) Hitung jumlah belanja susut nilai bagi lima tahun dengan menggunakan kaedah jumlah angka tahun. (3 markah)
- (ii) Hitung nilai buku peralatan itu pada 31 Disember 2012 dengan menggunakan kaedah unit pengeluaran jika 16,000 produk telah dikeluarkan pada tahun 2011 dan 24,000 unit produk pada tahun 2012. (3 markah)